Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 1, e002038
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2038

Efikasi Kendiri Sebagai Moderator antara Metakognitif dan Resilien dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak

(Self-Efficacy as a Moderator between Metacognitive and Resilience Among Guidance and Counseling Teachers in Sarawak)

Azuwani Mohd Yusoff[1], Amalia Madihie[2*], Ida Juliana Hutasuhut[3]

[1]Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: azuwaniyusoff@gmail.com
[2]Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: mamalia@unimas.my
[3]Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: hijuliana@unimas.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Amalia Madihie
(mamalia@unimas.my)

KATA KUNCI:
Metakognitif
Resilien
Guru Bimbingan dan Kaunseling

KEYWORDS:
Metacognitive
Resilience
Guidance and Counseling Teachers

CITATION:
Azuwani Mohd Yusoff, Amalia Madihie & Ida Juliana Hutasuhut. (2023). Efikasi Kendiri Sebagai Moderator antara Metakognitif dan Resilien dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(1), e002038.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2038

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh metakognitif terhadap resilien serta peranan efikasi kendiri sebagai moderator dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling. Kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik berbentuk *Google form* secara atas talian melalui emel kepada sampel yang terpilih. Seramai 252 sampel telah terpilih melalui kaedah persampelan kelompok. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 26 dan IBM-SPSS-AMOS versi 24. Kaedah analisis *Struktural Equational Modelling* (SEM) telah digunakan dalam kajian ini. Melalui pengujian *path Analysis* dan *Multi-group CFA* mendapati bahawa metakognitif mempengaruhi pembentukan resilien (p=0.000) dan efikasi kendiri berperanan sebagai moderator penuh antara metakognitif dan resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak.

ABSTRACT

This study aimed to examine the influence of metacognitive on resilience and the role of self-efficacy as a moderator among Guidance and Counseling teachers. The survey was employed by Google form questionnaires online via email. A total of 252 respondents were recruited through cluster sampling. The data was analyzed using SPSS version 26 and IBM-SPSS-AMOS version 24. The Equational Modelling Structural Analysis (SEM) method was used in this study. Through testing path Analysis and Multigroup CFA found that metacognitive effects on resilience (p=0.000) and self-efficacy play a role as a full moderator between metacognitive and resilience among Guidance and Counseling teachers in Sarawak.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur berkaitan dengan peranan Efikasi kendiri, kepercayaan metakognitif dan resilien terutamanya dalam aspek kesihatan dan kesejahteraan mental dalam kalangan kaunselor dan seterusnya dapat menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang terbaik bagi semua warga sekolah.

1. Pengenalan

Profesion sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia telah berkembang sejak sekian di Malaysia dan merupakan salah satu agen transformasi pendidikan yang terlibat secara langsung melalui dasar-dasar pendidikan negara (Razak & Mydin, 2021). Kaunselor di sekolah telah dilatih untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi empat fokus utama perkhidmatan kaunseling iaitu pembangunan dan perkembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin murid, pengurusan kerjaya dan psikososial dan kesihatan mental murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Namun begitu, dalam masa yang sama guru Bimbingan dan Kaunseling juga tidak terlepas daripada melakukan tugas-tugas sampingan seperti tugas pentadbiran, guru pengiring, guru ganti malah ada dalam kalangan kaunselor sekolah yang mengajar dan keadaan ini menyebabkan berlakunya konflik peranan, tekanan dan *bounout* dalam kalangan kaunselor di sekolah (Chandler et al., 2018; Kim & Lambie, 2018; Maor & Hemi, 2021).

Tekanan dan konflik peranan yang dihadapi ini seharusnya dikendalikan dengan baik oleh para kaunselor di sekolah. Sehubungan dengan itu, Guru Bimbingan dan Kaunseling seharusnya mempunyai tahap resilien yang baik untuk menjadi pelindung bagi menghadapi cabaran yang mendatang. Elemen psikologi seperti resilien, metakognitif dan efikasi kendiri merupakan indikator yang penting dan menyumbang kepada kesihatan mental, fizikal dan produktiviti pekerjaan (Ariati, 2017; Razak & Mydin, 2021). Justeru itu, kajian yang lebih lanjut harus dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan dengan konstruk metakognitif, resilien dan efikasi kendiri dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Selain itu, ianya harus dijalankan untuk menutup jurang yang sedia ada berkaitan peranan metakognitif terhadap resilien dan penggunaan teori *self-regulatory executive function* (Wells & Matthews, 1994, 1996) terutamanya dalam lingkungan kajian di Malaysia dan kelompok Guru Bimbingan dan Kaunseling Khasnya.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pengaruh metakognitif terhadap resilien dan juga untuk melihat kesan efikasi kendiri sebagai moderator antara metakognitif dan resilien dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling di negeri Sarawak. Manakala hipotesis yang dicadangkan ialah:

Ha1: Terdapat pengaruh metakognitif terhadap resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak.

Ha2: Efikasi kendiri menjadi moderator antara metakognitif dan resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Sorotan Literatur

Pada asasnya, resilien merupakan keupayaan individu untuk menyesuaikan atau mengadaptasikan diri dan bangkit daripada kesukaran yang dialami dalam kehidupan sama ada kesukaran berkenaan dilalui secara berterusan mahupun hanya sementara sahaja (Wagnild & Young, 1993). Resilien dianggap elemen yang penting bagi setiap guru bagi menghadapi cabaran dan perubahan yang mendatang untuk terus kekal dalam profesion keguruan pada hari ini (Taylor, 2013).

Kajian-kajian lepas telah membincangkan sumber pembentukan resilien adalah berasaskan kepada kognitif, emosi, spiritual, sosial, tingkah laku dan fizikal (Osman et al., 2015). Ini kerana pada asasnya resilien dipengaruhi oleh faktor peribadi dalaman seperti ciri peribadi (Garrosa et al, 2008), kesejahteraan psikologi (Razak & Mydin, 2021), kesedaran kendiri dan emosi (Osman et al., 2015) dan sebagainya. Selain itu, Guler dan Ceyhan (2020), berpendapat bahawa resilien merupakan faktor peribadi yang penting bagi kaunselor di sekolah kerana ia dianggap melindungi dan menjaga kesejahteraan peribadi akibat daripada kesan tekanan akibat daripada pekerjaan.

Kajian berkenaan resilien telah banyak dilaksanakan, namun begitu kajian secara empirikal berkenaan dengan pengaruh metakognitif terhadap resilien dalam kalangan kaunselor khususnya di Malaysia agak sukar ditemui. Konsep Metakognitif yang diperkenalkan oleh Flavell (1970), merupakan satu proses kognitif yang berkaitan dengan "*thinking about tinking*" atau berfikir tentang berfikir (Entoh & Abdullah, 2019). Metakognitif juga boleh dijelaskan sebagai kepercayaan atau pengetahuan berkaitan dengan sistem kognitif individu serta pengetahuan berkaitan dengan fator yang mempengaruhi fungsi sistem iaitu melibatkan peraturan, kesedaran tentang kognitif semasa dan kepentingan terhadap penilaian dan ingatan individu (Wells, 1994).

Moyano et al. (2020), menyatakan bahawa metakognitif boleh mempengaruhi pembentukan resilien. Hal ini kerana, lima dimensi yang terkandung dalam teori *self-regulatory executive function* (S-REF) iaitu kepercayaan positif tentang kerisauan, kesedaran kendiri kognitif, keyakinan kognitif, kepercayaan negatif tentang pemikiran yang tidak terkawal dan bahaya serta keperluan mengawal pemikiran saling berhubungan dalam membentuk resilien individu melalui penguasaan metakognitif individu (Moyano et al., 2020).

Kepercayaan metakognitif yang berbentuk negatif akan berlaku sekiranya individu terlalu memikirkan tentang pemikiran mereka dan secara berterusan serta menyimpan pemikiran tersebut di bawah kawalan minda sehingga menjejaskan emosi dan perasaaan. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya halangan dalam pembentukan resilien individu (Baniani & Davoodi, 2020). Walau bagaimanapun, faktor kepercayaan positif tentang kerisauan juga dikatakan berperanan dalam mempengaruhi resilien dalam diri individu. Ini bermakna individu yang selalu memikirkan atau risau dengan masalah yang dihadapi akan cuba untuk memperbetulkan anggapan dengan mencari jalan penyelesaian. Kepercayaan positif akan digunakan bagi menyelesaikan masalah yang wujud secara positif dan akan memberi kesan kepada pembentukan resilien individu (Aghamohammadian et al., 2015; Hakimi at al., 2019; Baniani & Davoodi, 2020).

Selain itu, efikasi kendiri juga dianggap memainkan peranan yang penting dalam pembentukan resilien kerana efikasi kendiri dilihat sebagai konsep penilaian terhadap perubahan tingkah laku berasaskan kepada orientasi diri serta tindakan yang bakal

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dipilih oleh individu (Stephan et al., 2016). Malahan, Bandura (1977), menyatakan bahawa individu yang mempunyai efikasi kendiri yang baik mampu mengawal dan sedar akan proses kognitif diri yang diperlukan bagi menghadapi situasi yang negatif (halangan, ancaman, stres dan pengalaman yang tidak menyenangkan).

Efikasi kendiri dan metakognitif dianggap saling berkaitan antara satu sama lain berdasarkan teori S-REF (Clark & Dumus, 2016; Stephan et al., 2016). Ini kerana, kajian lepas telah membuktikan bahawa efikasi kendiri berperanan untuk mengawal proses kendiri dan kemahiran metakognitif individu (Andrade, 2019; Zimmermaan & Cleary, 2006). Kawalan kendiri merupakan proses pemerhatian dan pemantauan diri terhadap tingkah laku yang diambil. Kebolehan dan keupayaan membuat penilaian kendiri terhadap proses pemikiran adalah melibatkan kekuatan efikasi kendiri yang dimiliki dan ia dilihat berperanan sebagai elemen yang penting dalam kehidupan (Andrade, 2019; Commodari et al., 2021; Zimmermaan & Cleary, 2006). Oleh yang demikian, kajian berkaitan dengan efikasi kendiri sebagai moderator antara metakognitif dan resilien dianggap sebagai relevan untuk melihat sejauh manakah kesan penyederhanaan dalam hubungan yang berlaku antara metakognitif dan resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sarawak.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini telah menggunakan reka bentuk secara tinjauan melalui kaedah kuantitatif. Soalan soal selidik secara tinjauan ini telah diedarkan secara atas talian (*Google form*) melalui e-mel peribadi Guru Kaunseling yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

3.2. Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah Guru Bimbingan dan Kaunseling yang berkhidmat di Seluruh negeri Sarawak iaitu seramai 692 orang mengikut data yang diperoleh oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada bulan Februari 2022. Kaedah persampelan berkelompok (*cluster sampling*) telah digunakan kerana mengambil kira keluasan geografi serta bentuk muka bumi negeri Sarawak yang dipecahkan kepada 12 Bahagian seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Sarawak. Jumlah responden yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak n=252 responden. Semua responden telah dibahagikan kepada 12 kelompok berdasarkan daerah atau bahagian di negeri Sarawak

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik secara atas talian yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A melibatkan soalan Demografi iaitu, jantina, tempoh berkhidmat dan status berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Manakala, Bahagian B melibatkan *Metacognitive Questionnaire* (MCQ-30) versi bahasa Melayu. Instrumen MCQ-30 telah dibangunkan oleh Wells dan Cartwright-Hatton (2004). Namun dalam kajian ini, instrumen MCQ-30 versi Bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Firdaus et al. (2018) telah digunakan. MCQ-30 mengandungi 30 item yang telah disahkan kesahan dan kebolehpercayaannya serta menggunakan skala likert empat aras iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

(setuju), dan 4 (sangat setuju). Selain itu, instrumen ini juga mengandungi lima subskala kepercayaan metakognitif yang berbeza iaitu melibatkan dimensi keyakinan kognitif, kepercayaan positif tentang kerisauan, kesedaran diri kognitif, kepercayaan negatif tentang pemikiran yang tidak terkawal dan bahaya serta keperluan mengawal pemikiran (Wells & Cartwright-Hatton, 2004). Instrumen MCQ-30 versi bahasa Melayu juga mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik iaitu 0.089 keseluruhan item. Manakala, bagi nilai kesahan konstruk pula berada di antara 0.63 hingga 0.79 (Firdaus et al., 2018).

Bagi Bahagian C pula instrumen yang telah digunakan ialah *Resilience Scale* (RS-25) yang telah diasaskan oleh Wagnild dan Young (1993). Namun begitu, *Resilience Scale* versi bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh Amalia et al. (2011), telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen ini mengandungi 25 item dan menggunakan skala likert tujuh aras iaitu 1 (sangat tidak setuju) dan 7 (sangat setuju). RS-25 mengandungi lima dimensi yang saling berkaitan iaitu, kebergantungan kendiri (*self reliant*), mempunyai makna (*meaning*), ketenangan fikiran dan perasaan (*equanimity*), ketabahan (*perseverance*) dan falsafah kesunyian/bersendirian tidak wujud (*existential aloneness*). *The Resilience Scale* mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai *Cronbach's Alpha* 0.91(Ngui & Lay, 2017).

Bahagian terakhir iaitu Bahagian D pula adalah instrumen yang mengukur efikasi kendiri dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Sources of Counseling Self-Efficacy Scale -Malaysia* (SCSE-M) yang telah diubahsuai oleh Ooi et al. (2020). Instrumen ini telah diadaptasi daripada *Sources of Middle School Mathematics Self-Efficacy Scale* yang telah diasaskan oleh Usher dan Pajares (2009). SCSE-M menandungi 25 item bagi mengukur lima dimensi yang membentuk efikasi kendiri iaitu penguasaan pengalaman (*mastery experience),* pembelajaran perwakilan *(vicarious learning),* pujukan sosial (*social persuasion)* dan keadaan psikologi dan afektif *(physiological and affective states)* serta menggunakan skala likert enam aras. Instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik dengan nilai *Cronbach's Alpha* 0.86 (Ooi et al., 2020).

3.4. Prosedur dan Proses Pengumpulan Data

Prosedur dan proses pengumpulan data kajian bermula dengan penyelidik membuat permohonan untuk menjalankan kajian dan mendapat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga mendapat kelulusan menjalankan kajian daripada Jabatan pendidikan Negeri Sarawak (JPNS). Soal selidik dan borang persetujuan termaklum secara atas talian (*Google form*) telah diedarkan kepada responden yang terpilih melalui e-mel yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak kepada penyelidik. Pemakluman melalui surat rasmi juga telah dihantar kepada semua Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar bagi responden yang terpilih. Kaedah ini bertujuan untuk mengelakkan kecicirian maklumat dalam kalangan responden kajian.

3.5. Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data telah menggunakan aplikasi SPSS (versi 26) dan IBM-SPSS-Amos (versi 24). Aplikasi SPSS telah digunakan untuk membuang *outlier* serta menguji taburan dan kenormalan data pada peringkat awal analisis. Selain itu, ia juga digunakan bertujuan untuk membuat analisis deskriptif terhadap demografi responden seperti

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

nilai peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala, aplikasi IBM-SPSS-AMOS pula digunakan untuk menguji hipotesis hubungan langsung dan kesan moderator yang dicadangkan pada peringkat awal kajian.

Kaedah analisis *Struktural Equational Modelling* (SEM) telah digunakan dalam kajian ini. SEM merupakan salah satu kaedah pengujian analisis *multivariate* yang dianggap terbaik berbanding dengan kaedah pengujian lain (Awang et al., 2015). SEM juga mempunyai kelebihan untuk membuat analisis hubungan yang dianggap lebih kompleks antara beberapa konstruk di dalam model secara serentak (Afthanorhan et al., 2017; Awang et al., 2018). Pengujian hipotesis dilaksanakan setelah model pengukuran dan model struktural terbentuk.

4. Dapatan Kajian

4.1. Demografi Responden Kajian

Jumlah keseluruhan responden adalah seramai n=252. Daripada jumlah keseluruhan berkenaan didapati bahawa jumlah responden perempuan ialah n=187 (74.2%) lebih ramai daripada jumlah responden lelaki iaitu hanyalah seramai n=65 (25.8%) sahaja. Manakala, bagi tempoh pengalaman bekerja pula mendapati seramai n= 106 atau 42.1% telah berkhidmat kurang daripada tempoh 10 tahun. Selain itu, Seramai n=102 atau 40.5% responden yang telah berkhidmat antara tempoh 11 tahun hingga 20 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tempoh perkhidmatan antara 21 tahun hingga 30 tahun jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai n=35 atau 13.9% dan yang terakhir bagi tempoh perkhidmatan melebihi 30 tahun pula hanya n=9 atau 3.6% saja responden yang terlibat. Namun begitu, status pendaftaran dengan lembaga kaunselor pula mendapati bahawa kebanyakan responden tidak berdaftar dengan lembaga kaunselor. ini terbukti apabila hasil analisis menunjukkan hanya n=57 atau 22.6% sahaja responden yang berdaftar dengan lembaga kaunselor berbanding dengan responden yang tidak berdaftar iaitu seramai n=195 atau 77.4%.

4.2. Confirmatory Factor Analysis (CFA)

4.2.1. Model Pengukuran Gabungan Konstruk (Pooled-CFA)

Kaedah pengukuran *Pooled-CFA* digunakan bagi menilai model pengukuran ke atas semua konstruk secara serentak. Selain itu, model ini perlulah memenuhi kriteria *fitness indexes* yang telah ditetapkan bagi mencapai kesahan konstruk. Berdasarkan Rajah 1, *fitness indexes* bagi model pengukuran gabungan konstruk (*pooled- CFA*) telah pun dicapai.

4.2.2. Unidimensionality

Unidimensionality dicapai apabila semua item yang mengukur konstruk telah mencapai nilai faktor pemberat (*factor loading*) yang telah ditetapkan. Jika terdapat item yang mempunyai nilai faktor pemberat yang rendah, maka item berkenaan haruslah disingkirkan (Awang et al., 2018).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 1: Model Pengukuran Gabungan Konstruk (*Pooled-CFA*)



4.2.3. Kesahan (Kesahan Konvegen, Kesahan Konstruk dan Kesahan Diskriminan)

Bagi memastikan model pengukuran gabungan konstruk (*pooled-CFA*) dianggap mencapai kesahan, maka tiga jenis kesahan telah dijalankan ke atas model pengukuran gabungan iaitu analisis kesahan konvegen, kesahan konstruk dan kesahan diskriminan.

Kesahan konvergen dianggap tercapai apabila semua konstruk dalam suatu model gabungan (*pooled-CFA*) adalah signifikan secara statistik. Kesahan ini dicapai dengan mengira *factor loading* bagi setiap konstruk atau item. *Average Variance Extracted* (AVE) haruslah mencapai nilai minimum 0.5 untuk kesahan ini dicapai bagi setiap konstruk. Hasil analisis *convergent validity* mendapati nilai AVE yang dicatatkan bagi kedua-dua konstruk adalah melebihi 0.5 iaitu melebihi nilai minimum yang diperlukan untuk mengesahkan *convergent validity* bagi sesebuah model pengukuran seperti dalam Jadual 3.

Construct validity pula dicapai apabila *fitness indexes* bagi setiap konstruk gabungan *Pooled-CFA* mencapai tahap yang diperlukan (Afthanorhan et al., 2017; Awang et al., 2018). Hasil daripada analisis model pengukuran gabungan konstruk *Pooled-CFA* mendapati bahawa nilai fitness *indexes* mencapai nilai yang telah ditetapkan. Jadual 1, menunjukkan hasil dapatan indeks kesepadanan bagi konstruk gabungan *Pooled-CFA*.

Analisis kesahan diskriminan telah dijalankan ke atas model pengukuran konstruk. Kesahan diskriminan hanya boleh dibuat melalui pembinaan *Discriminant Validity Index Summary* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Berdasarkan Jadual 3, nilai yang terdapat pada *diagonal* adalah nilai yang diperolehi daripada punca kuasa dua (*square-*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

root) AVE bagi konstruk berkenaan. Kesahan diskriminan ini dicapai apabila nilai *diagonal* lebih tinggi daripada nilai dalam baris dan lajur (Awang et al., 2018).

Jadual 1: Indeks Kesepadanan Bagi Konstruk Gabungan *Pooled-CFA*

Nama kategori	Name of indeks	Index Value	Komen
Absolute fit	RMSEA	0.088	Tahap yang diperlukan dicapai
Incremental fit	CFI	0.962	Tahap yang diperlukan dicapai
	TLI	0.950	Tahap yang diperlukan dicapai
	NFI	0.944	Tahap yang diperlukan dicapai
Parsimonious fit	Chisq/df	2.940	Tahap yang diperlukan dicapai

Jadual 2: Ringkasan Indeks Kesahan Diskriminan Bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Metakognitif	Resilien
Metakognitif	.840	
Resilien	.758	.768

4.2.4. Kebolehpercayaan

Bagi mengukur kebolehpercayaan, setiap konstruk hendaklah memenuhi dua kreateria kebolehpercayaan iaitu nilai *Average Variance Extracted* (AVE) dan *Composite Reliability* (CR). Nilai *Average Variance Extracted* (AVE) dan mestilah melebihi 0.5. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan terhadap model pengukuran gabungan atau *pooled-CFA* dua konstruk berkenaan telah mendapati nilai AVE melebihi 0.5 iaitu melebihi nilai minimum yang diperlukan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai *Composite Reliability* (CR) dan *Average Variance Extracted* (AVE) Setiap Konstruk

Konstruk	Item	*Factor Loading*	CR (*Above 0.6*)	AVE (*Above 0.5*)
Metakognitif	Keyakinan Kognitif	.81	.923	.706
	Kepercayaan Positif	.82		
	Kesedaran Kognitif	.91		
	Kepercayaan Negatif	.90		
	Mengawal Pemikiran	.75		
Resilien	Mempunyai Makna	.67	.877	.590
	Kebergantungan Kendiri	.77		
	Ketenangan Fikiran	.78		
	Ketabahan	.83		
	Falsafah Kesunyiaan	.78		

4.2.5. Kenormalan Data

Kenormalan taburan data merupakan syarat yang terpenting dalam menentukan ujian hipotesis yang dibuat sah atau sebaliknya dan yang paling penting ialah dapatan daripada analisis itu boleh dipercayai (Awang et al., 2018). Data dianggap bertaburan normal jika nilai mutlak kecondongannya iaitu nilai *skewness* dan *kurtosis* berada antara julat -1.5 hingga 1.5 (Awang et al., 2015). Berdasarkan Jadual 4, data yang diperolehi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dianggap bertaburan normal dan sesuai untuk dianalisis menggunakan kaedah statistik parametrik.

Jadual 4: Taburan Normaliti Bagi Konstruk Model Pengukuran Gabungan (*Pooled-CFA*)

Variable	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Mengawal_Pemikiran	**-.915**	-5.930	.980	3.176
Falsafah_Kesunyian	**-.593**	-3.841	1.080	3.499
Ketabahan	**-.379**	-2.455	.546	1.770
Ketenangan_Fikiran	**-.149**	-.965	-.412	-1.335
Kebergantungan_Kendiri	**-.569**	-3.688	.626	2.029
Mempunyai_Makna	**-.504**	-3.267	.518	1.678
Kepercayaan_Negatif	**-.658**	-4.263	.505	1.635
Kesedaran_Kognitif	**-.698**	-4.521	.696	2.255
Kepercayaan_Positif	**-.711**	-4.611	.592	1.918
Keyakinan_Kognitif	**-.687**	-4.451	.972	3.150
Multivariate			51.982	26.633

4.3. Analisis Model Straktural dan Pengujian Hipotesis Hubungan Langsung

Model struktural berfungsi sebagai *path model* yang menghubungkan pembolehubah tidak bersandar (*exogeneous variabel*) dengan pembolehubah bersandar (*endogeneous variable*) (Hair at al., 2010). Prosedur pertama yang harus dilalui oleh model berstruktur SEM ialah mendapatkan nilai pekali regresi piawai (*standardized regression weight*) seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Model Straktural – Dapatan Pekali Regrasi Piawai



© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 5 menunjukkan dapatan hasil analisis pengujian hipotesis *Regression Path Coefficients* bagi pengaruh konstruk eksogenus (metakognitif) terhadap konstruk endogenus (resillien) yang telah diekstrak daripada Rajah 2.

Jadual 5: Analisis Pengujian Hipotesis *Regression Path Coefficient*

	Konstruk		Konstruk	*Estimate*	*S.E.*	*C.R.*	*P*	Keputusan
Ha1	Resilien	<---	Metakognitif	.673	.071	9.474	.000	Signifikan

Berdasarkan Jadual 5, hasil analisis mendapati bahawa resilien dipengaruhi oleh secara signifikan dan positif oleh metakognitif dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling. Analisis hubungan langsung mendapati nilai *Estimate* atau beta (β) adalah 0.673. Ini bermakna apabila konstruk metakognitif meningkat sebanyak 1 unit, maka resilien akan meningkat sebanyak 0.673 unit. Manakala bagi ralat piawai pekali regresi atau S.E (*Standard Error of regression weight*) adalah 0.071 bermakna dengan anggaran pekali regresi *(regression weight estimate*) sebanyak 0.673 membawa makna nilai ralat piawai (*standard error*) ialah 0.071. Nilai nisbah kritikal (*Critical Ratio*) bagi pekali regresi (*regression weight*) pula ialah Z = 0.673/0.071 = 9.474.

Kesimpulannya, dapatan bagi pengujian hipotesis pertama iaitu melihat pengaruh metakognitif terhadap resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling diterima. Ini dibuktikan berdasarkan nilai nisbah kritikal atau *critical ratio* (C.R) yang dicatatkan ialah 9.474 iaitu lebih tinggi daripada nilai ±1.96 dan nilai *p* pula mencatatkan 0.000 iaitu lebih rendah daripada *p* <0.05 adalah signifikan (Byrne, 2010; Hair et al., 2010). Maka dapatan ini membuktikan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara metakognitif terhadap resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling yang dikaji. Ringkasan hasil analisis pengujian hipotesis seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Hasil Pengujian Hipotesis dan Keputusan

	Penyataan Hipotesis	Nilai-*p*	Keputusan
	Ha1: Metakognitif mempunyai kesan yang signifikan terhadap resilien dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling dikaji.	0.000	Disokong

4.4. Pengujian Kesan Moderator

Kajian ini telah menggunakan kaedah multi-Group CFA bagi menguji kesan kehadiran moderator efikasi kendiri terhadap hubungan antara metakognitif dan resilien. Data dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu tahap efikasi kendiri yang rendah (database 1) dan tahap efikasi kendiri yang tinggi (database 2). Selain itu juga, dua model dibina berasingan iaitu dan model dikekang (contrained model) dilabel sebagai model 1 dan model tidak dikawal atau bebas (unconstrained model) dilabel sebagai model 2. Dalam model 1, parameter =1 telah diletakkan pada laluan (path) yang ingin diuji dan pada model 2, tiada parameter diletakkan pada laluan (path) yang ingin diuji (Awang et al., 2018). Jika terdapat berbezaan lebih daripada pada nilai Chi-Square antara dua model melebihi 3.84 maka terdapat kesan moderator dalam model berkenaan. Hasil analisis kesan moderator adalah berdasarkan Jadual 7 dan Jadual 8.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 7: Pengujian Hipotesis untuk Efikasi Kendiri Tahap Rendah

	Model Dikekang	**Model Bebas**	**Beza *Chi-Square***	**Keputusan Moderator**	**Keputusan Hipotesis**
Nilai *Chi-Square*	398.823	395.381	3.441	Tidak Signifikan	Ditolak
DF	151	150	1		
$Ha2_a$: Tahap efikasi kendiri yang rendah memoderatorkan hubungan antara metakognitif dan resilien.					Ditolak

Berdasarkan Jadual 7, nilai perbezaan khi kuasa dua (*Chi-Square*) yang diperolehi adalah 3.441 (398.823-395.381), dan perbezaan bagi darjah kebebasan (*Degrees of freedom*) ialah 151-150 =1. Ini bermakna keputusan analisis kesan moderator efikasi kendiri rendah adalah tidak signifikan kerana perbezaan nilai *Chi-square* lebih kecil daripada 3.84 iaitu hanya 3.441 dengan nilai *Chi-Square* dengan 1 darjah kebebasan. Ini membuktikan bahawa efikasi kendiri tahap rendah tidak memoderatorkan pengaruh metakognitif terhadap resilien.

Jadual 8: Pengujian Hipotesis untuk Efikasi Kendiri Tahap Tinggi

	Model Dikekang	**Model Bebas**	**Beza *Chi-Square***	**Keputusan Moderator**	**Keputusan Hipotesis**
Nilai *Chi-Square*	305.350	294.807	10.543	Signifikan	Disokong
DF	151	150	1		
$Ha2_b$: Tahap efikasi kendiri yang tinggi memoderatorkan hubungan antara metakognitif dan resilien.					Disokong

Berdasarkan Jadual 8, nilai perbezaan khi kuasa dua (*Chi-Square*) yang diperolehi adalah 10.543 (305.350 – 294.807), dan perbezaan nilai darjah kebebasan (*Degrees of freedom*) adalah 151-150 =1. Ini bermakna hasil analisis adalah signifikan kerana terdapat perbezaan nilai *Chi-square* yang lebih tinggi dan melebih 3.84 dengan 1 darjah kebebasan. Ini bermakna kesan efikasi kendiri tahap tinggi memoderatorkan hubungan antara metakognitif terhadap resilien.

Secara keseluruhannya efikasi kendiri berperanan sebagai moderator penuh antara metakognitif dan resilien dalam kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling. Jenis moderator yang wujud dalam hubungan ini dikenali sebagai moderator penuh kerana efikasi kendiri tahap tinggi adalah signifikan berbanding efikasi kendiri tahap rendah yang tidak signifikan. Ringkasan hasil analisis kesan moderator efikasi kendiri antara metakognitif dan resilien adalah seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9: Keputusan Ujian Hipotesis Moderator

Hipotesis Untuk Moderator
Ha2: Efikasi kendiri mempunyai kesan penyederhana (*moderation effects*) dalam hubungan antara metakognitif dan resilien dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling yang dikaji. **Keputusan**: Hipotesis disokong dan jenis moderator ialah moderator penuh.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Perbincangan

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi melihat kesan pengaruh metakognitif terhadap resilien serta kesan efikasi kendiri sebagai moderator dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling. Berdasarkan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa metakognitif mempengaruhi resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Hasil dapatan ini dilihat selari dan konsisten dengan beberapa kajian lepas yang telah dijalankan oleh Baniani dan Davoodi (2020), Nejati et al. (2019), Hutauruk et al. (2019) dan Zahedi et al. (2021).

Dapatan ini secara jelas telah merungkai makna yang menganggap resilien hanyalah secara eksplisit berdasarkan Teori S-REF (Wells & Matthews, 1994, 1996; Hagen et al., 2020). Dapatan ini telah membuktikan bahawa resilien dipengaruhi secara langsung oleh metakognitif individu. Pengaruh metakognitif terhadap resilien Guru Bimbingan dan Kaunseling dikaitkan dengan sistem afektif-kognitif individu yang bertindak balas terhadap resilien. Ini bermakna proses metakognitif individu atau Guru Bimbingan dan Kaunseling boleh dikonsepkan sebagai satu sistem pemetaan yang menyeluruh kerana metakognitif mengintegrasikan maklumat yang diterima daripada pelbagai sumber termasuklah situasi semasa, pengalaman lepas, kesedaran kognitif, kepercayaan positif (Wells, 2009; 2000). Proses mengintegrasikan maklumat inilah yang akan membina resilien Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk berhadapan dengan kesukaran seperti tekanan yang wujud dalam sistem pendidikan serta konflik peranan yang dihadapi di sekolah (Parsons et al., 2016).

Pengaruh metakognitif terhadap resilien boleh dikaitkan dengan kefahaman tentang kepercayaan metakognitif individu (Nejati et al., 2019). Ini kerana kepercayaan atau gaya pemikiran serta perasaan yang dialami oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling merupakan keseimbangan antara kehidupan dan pengalaman yang akan membentuk resilien dalam membina perspektif yang positif bagi kehidupan mereka masa hadapan berdasarkan pengalaman yang mereka lalui (Nejati et al., 2019). Sehubungan dengan itu, elemen metakognitif yang terkandung dalam Teori S-REF seperti keyakinan kognitif, kepercayaan dan kesedaran diri kognitif dilihat berperanan sebagai fungsi pengawalan kendiri bagi membina resilien dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling seperti mana yang dinyatakan oleh Hagen et al. (2020).

Selain itu, Guru Bimbingan dan Kaunseling yang mempunyai tahap resilien yang tinggi dianggap boleh mengawal pemikiran dan mempunyai ketenangan fikiran serta perasaan kerana kekuatan dalaman yang terbentuk hasil daripada pengalaman lepas telah mematangkan diri mereka untuk berfikir secara positif terhadap cabaran yang dihadapi. Oleh yang demikian Guru Bimbingan dan Kaunseling dianggap boleh membuat pertimbangan terhadap pengalaman hidup yang dimiliki dan lebih bersedia untuk mengambil risiko atau menerima apa jua keadaan yang bakal berlaku pada masa hadapan (Hutauruk et al., 2019; Zahedi et al., 2021).

Hasil kajian ini juga telah membuktikan efikasi kendiri juga berperanan sebagai moderator penuh antara hubungan metakognitif dan resilien. Ini bermakna, pengaruh metakognitif terhadap resilien bergantung kepada tahap efikasi kendiri yang dimiliki oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling. Dapatan ini, dilihat selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Makara-Stadzinska et al. (2019), Moksnes et al. (2018) dan Peltier et al. (2021), iaitu efikasi kendiri dilihat berperanan sebagai penyederhana dalam kajian yang telah dijalankan oleh mereka.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Efikasi kendiri dan metakognitif dianggap saling berkaitan secara positif antara satu sama lain (Commodari et al., 2021; Zimmermaan & Cleary, 2006). Ini kerana efikasi kendiri sering dikaitkan dengan proses kawalan kendiri manakala proses kepercayaan metakognitif pula akan membentuk motivasi diri serta berperanan membentuk resilien diri bagi menghadapi cabaran dan tekanan yang dihadapi dalam kehidupan (Andrade, 2019; Commodari et al., 2021; Zimmermaan & Cleary, 2006). Dapatan ini juga selaras dengan kajian lepas yang telah dijalankan oleh Ghonsooly et al. (2014) yang menganggap semakin tinggi tahap efikasi kendiri yang dimiliki oleh individu atau Guru Bimbingan dan Kaunseling maka semakin tinggi keupayaan mereka untuk menggunakan metakognitif (Ghonsooly et al., 2014; Kanfer & Ackerman, 1989). Oleh yang demikian, dapat dilihat jika Guru Bimbingan dan Kaunseling mempunyai efikasi kendiri yang tinggi maka kesannya adalah kepada corak pemikiran yang lebih positif yang memberi impak kepada orientasi sosial dan berperanan sebagai pelindung kepada kesan negatif dan pembentukan resilien dalam diri mereka (Stetz et al., 2006). Sehubungan dengan itu, Guru Bimbingan dan Kaunseling yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi dianggap mampu mengawal metakognitif secara positif dan seterusnya membentuk resilien diri yang baik bagi menghadapi cabaran dalam profesion kaunseling pada masa kini.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa, Guru Bimbingan dan Kaunseling sebenarnya tidak terlepas dengan perubahan dan cabaran dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, cabaran dan tuntutan daripada perubahan seharusnya diadaptasi dengan baik oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling. Oleh yang demikian, kekuatan resilien yang dimiliki oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dianggap satu elemen yang sangat penting bagi menghadapi cabaran dalam pendidikan. Sehubungan dengan itu, Guru Bimbingan dan kaunseling seharusnya menyedari peranan metakognitif dan efikasi kendiri yang dianggap sebagai salah satu elemen yang membentuk resilien dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan mental dan kualiti kerja dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang digariskan oleh Pusat Penyelidikan, inovasi dan Enterprise UNIMAS. Proses kajian yang meliputi aspek pengumpulan data yang melibatkan responden telah dijalankan dengan mengikut piawaian etika yang telah digariskan. Kebenaran dan persetujuan termaklum daripada semua responden telah diperolehi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Amalia Madihie dan penyelia bersama Dr. Ida Juliana Hutasuhut atas sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan Hadiah Latihan Persekutuan dan juga pihak Universiti Malaysia Sarawak atas peluang dan kemudahan yang diberikan serta kepada pihak ERPD dan JPNS kerana memberi kebenaran untuk melaksanakan penyelidikan ini.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan tidak menerima mana-mana tajaan

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Afthanorhan, A., Awang, Z., & Fazella, S. (2017). Developing the patients' loyalty model for medical tourism industry: the case of Malaysia. *International Journal of Society Systems Science*, *9*(2), 139. https://doi.org/10.1504/ijsss.2017.085710

Aghamohammadian, S. H., Timuri, S., Sandal, M., & Gazidari, E. (2015). Assessment of Effectiveness of Cognitive-Behavioral Group Training on Self-Esteem and Achievement Motivation of High School Students. *Future of Medical Education Journal, 5*(4): 14-19.

Amalia, M., Sidek, M. N., Maznah. B., & Wan Marzuki W. J. (2011). Garis panduan bagi penterjemahan alat ukur *The Resilience Scale* 25 item. Universiti Putra Malaysia.

Andrade, H. L. (2019). A Critical Review of Research on Student Self-Assessment. *Frontiers in Education, 4:*87. https://doi.org/10.3389/feduc.2019.00087

Ariati, J. (2017). Subjective Well-Being (Kesejahteraan Subjektive) Dan Kepuasan Kerja Pada Staf Pengajar (Dosen) Di Lingkungan Fakultas Psikologi Universitas Diponegoro*. Jurnal Psikologi Undip, 8*(2), 117-123.

Awang, Z., Afthanorhan, A., Mohamad, M., & Asri, M.A. (2015). An evaluation of measurement model for medical tourism research: the confirmatory factor analysis approach. *International Journal of Tourism Policy*, *6*, 29-45.

Awang, Z., Hui, L. S., & Awang, N. F. (2018). *Pendekatan Mudah SEM.* (1st ed). MPWS Rich Resources Sdn. Bhd. (1088187-T).

Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.

Baniani, P., & Davoodi, A. (2020). Predicting Academic Resilience based on Metacognitive Beliefs and Achievement Motivation in High School Students in Shiraz, Iran. *International Journal of Pediatrics*, *9*(6), 13765–13774. https://doi.org/10.22038/IJP.2020.53686.4257

Byrne, B. M. (2010). S*tructural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications, and programming*, (2nd ed.). Routledge Taylor & Francis Group: New York.

Chandler, J.W., Burnham, J.J., Riechel, M.E., Dahir, C., Stone, C.B., Oliver, D.F., Davis, A.P., & Bledsoe, K.G. (2018). Assessing the Counseling and Non-Counseling Roles of School Counselors. *Journal of school counseling, 16*(7), 1-33

Clark, I., & Dumas, G. (2016). The regulation of task performance: A trans-disciplinary review. *Frontiers in Psychology, 6,* 1862. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2015.0186

Commodari, E., Lucia, V., Rosa, L., Carnemolla, G., & Parisi, J. (2021). Psychological well-being in adolescence: relationships between life skills, self-efficacy, and metacognitive skills. *Mediterranean Journal of Clinical Psychology*, *9*(August), 1–19.

Entoh, H., & Abdullah, M. K. (2019). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Kesedaran Metakogntif dalam Kalangan Guru- Guru Sekolah Rendah Di Zon Pulau. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *4*(31), 187–203. https://doi.org/10.35631/ijepc.4310016

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Firdaus, M., Jia, L. L., Siti Aisyah, A., & Maizura, M. (2018). Exploratory Factor Analysis and Psychometrics Properties of the Malay Version Metacognitive Questionnaire 30 Items. *International Journal of Medical Science and Health Research*, *2*(04), 205–217.

Flavell, J. H. (1970). Developmental studies of mediated memory. *Advances in child development and behavior*, *5*, 181-211.

Garrosa, E., Moreno-Jimenez, B., Liang, Y., & Gonzalez, J. L. (2008). The relationship between socio-demographic variables, job stressors, burnout, and hardy personality in nurses: An ex- ploratory study. *International Journal of Nursing Studies, 45*, 418–427. doi:10.1016/j.ijnurstu.2006.09.003

Ghonsooly, B., Khajavy, G. H., & Mahjoobi, F. M. (2014). Self-efficacy and Metacognition as Predictors of Iranian Teacher Trainees' Academic Performance: A Path Analysis Approach. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *3*, 590–598. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.03.455

Guler, D., & Ceyhan, E. (2020). School counsellors' resilience in Turkey: A phenomenological study. *Journal of Psychologists and Counsellors in Schools, 30*(2), 185-201. doi:10.1017/jgc.2019.16

Hagen, R., Havnen, A., Hjemdal, O., Kennair, L. E. O., Ryum, T., & Solem, S. (2020). Protective and Vulnerability Factors in Self-Esteem: The Role of Metacognitions, Brooding, and Resilience. *Frontiers in Psychology*, *11*(July), 1–7. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01447

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. (7th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.

Hakimi, A., Jafary Nodoushan, A., Tarazi, Z., Aghaei, H., Saberi, F. (2019). The Effect of Cognitive-Behavioral Training Based on Self-Esteem on Social Adjustment and Academic Achievement Motivation of First- Grade High School Female Students in Ashkezar. *Iranian Journal of Learning & Memory*,1(4), 59-65. doi: 10.22034/iepa.2019.89170

Hutauruk, A. J. B., Darmayasa, J. B., & Priatna, N. (2019). Achievement of students mathematical resilience through problem based learning model with metacognitive approach. *Journal of Physics*: *Conference Series, 1315*(1).

Kanfer, R., & Ackerman, P. L. (1989). Motivation and cognitive abilities: An integrative/aptitude-treatment interaction approach to skill acquisition [Monograph]. *Journal of Applied Psychology, 74*, 657-690.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012. https://jpnperak.moe.gov.my/jpn/perak/lampiran/KUK/29012021.f

Kim, N., & Lambie, G. W. (2018). Burnout and implications for professional school counselors. *Professional Counselor, 8*(3), 277–294. https://doi.org/10.15241/nk.8.3.277

Makara-Stadzinska, M., Golonka, K., & Izydorczyk, B. (2019). Self-Efficacy as a Moderator between Stress and Professional Burnout in Firefighters. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *16*(183), 4–16.

Maor, R., & Hemi, A. (2021). Relationships between role stress, professional identity, and burnout among contemporary school counselors. *Psychology in the Schools*, 1–14. https://doi.org/10.1002/pits.22518

Moksnes, U. K., Eilertsen, M. E. B., Ringdal, R., Bjørnsen, H. N., & Rannestad, T. (2018). Life satisfaction in association with self-efficacy and stressor experience in adolescents – self-efficacy as a potential moderator. *Scandinavian Journal of Caring Sciences, 33*(1), 222-230. https://doi.org/10.1111/scs.12624

Moyano, N., Quílez-Robres, A., & Cortés Pascual, A.. (2020). Self-Esteem and Motivation

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

for Learning in Academic Achievement: The Mediating Role of Reasoning and Verbal Fluidity. *Sustainability*, *12*(14), 5768. https://doi.org/10.3390/su12145768

Nejati, S., Akbari, B., & Nazari, N. (2019). Comparison of Resilience, Cognitive Emotion Regulation and Metacognitive Beliefs of Primiparous and Multiparous Women. *International Clinical Neuroscience Journal*, *6*(4), 146–150. https://doi.org/10.15171/icnj.2019.27

Ngui, G., & Lay, L. F. (2017). The Relationship between Resilience and Perceived Practicum Stress: The Mediating Role of Self-Efficacy. *Sains Humanika*, *9*, 41–48.

Ooi, P.-B., Wan Jaafar, W. M., Chin-Siang, A., & Nee-Nee, C. (2020). Psychometric Properties of the Sources of Counseling Self Efficacy in a Sample of Malaysian Secondary School Counselors. *SAGE Open*, *10*(1). https://doi.org/10.1177/2158244020902076

Osman, M. S., Abdullah, M. C., Ismail, A. A., & Roslan, S. (2015). Daya Tahan dalam Kalangan Guru Alaf 21. *International Journal of Education and Training (InjET)*, *1*(12), 1–9. http://www.injet.upm.edu.my

Parsons, S., Kruijt, A.-W., & Fox, E.. (2016). A Cognitive Model of Psychological Resilience. *Journal of Experimental Psychopathology*, *7*(3), 296–310. https://doi.org/10.5127/jep.053415

Peltier, J. W., Chennamaneni, P. R., & Barber, K. N. (2021). Student Anxiety, Preparation, and Learning Framework for Responding to External Crises: The Moderating Role of Self-Efficacy as a Coping Mechanism. *Journal of Marketing Education*, *44*(2), 1–17. https://doi.org/10.1177/02734753211036500

Razak, N. A., & Mydin Kutty, F. (2021). Daya Tahan, Strategi Daya Tindak Serta Hubungannya Terhadap Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(3), 171–179. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.713

Stephan, K. E., Manjaly, Z. M., Mathys, C. D., Weber, L. A. E., Paliwal, S., Gard, T., Tittgemeyer, M., Fleming, S. M., Haker, H., Seth, A. K., & Petzschner, F. H. (2016). Allostatic self-efficacy: A metacognitive theory of Dyshomeostasis-Induced Fatigue and Depression. *Frontiers in Human Neuroscience*, *10*(550). https://doi.org/10.3389/fnhum.2016.00550

Stetz, T., Stetz, M., & Bliese, P. (2006). The importance of self-efficacy in the moderating effects of social support on stressor-strain relationships. *Work and Stress*, *20*(1), 49–59. https://doi.org/10.1080/02678370600624039

Taylor J. L., (2013). The Power of Resilience: A Theoretical Model to Empower, Encourage and Retain Teachers. *The Qualitative Report*, *18*(70), 1-25. University of St. Thomas, Houston, Texas, USA.

Usher, E. L., & Pajares, F. (2009). Sources of self-efficacy in Mathematics: A validation study. *Contemporary Educational Psychology, 34*(1), 89–101. https://doi.org/10.1016/j.ced- psych.2008.09.002

Wagnild, G. M., & Young, H. M. (1993). Development and Psychometric Evaluation of the Resilience Scale. *Journal of Nursing Measurement*, *1*(2), 165–177. https://doi.org/10.1080/08927936.2018.1406203

Wells, A. (2000). *Emotional disorders and metacognition: Innovative cognitive therapy*. Chichester, UK: Wiley.

Wells, A., & Cartwright-Hatton, S. (2004). Metacognitions Questionnaire-30 (MCQ-30). *Behaviour Research and Therapy*, *42*(4), 385–396. https://doi.org/10.1016/S0005-7967(03)00147-5.

Wells, A., & Davies, M. (1994). The Thought Control Questionnaire: a measure of individual differences in the control of unwanted thoughts. *Behaviour Research and Therapy*, *32*,871-878.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Wells, A., & Matthews, G. (1996). Modelling cognition in emotional disorder: The S-REF model. *Behaviour Research and Therapy*, *34*(11), 881–888. https://doi.org/10.1016/S0005-7967(96)00050-2

Wells, A. (2009). Theory and Nature of Metacognitive Therapy. *In Metacognitive Therapy for Anxiety and Depression* (pp. 22). Guilford Publications.

Wells, A. (2000). *Emotional disorders and metacognition: Innovative cognitive therapy*. Chichester, UK: Wiley.

Zahedi, A., Mohtashami, J., & Nasrabadi, T. (2021). The Effect of Metacognitive Therapy on Depression and Resilience of Cancer Patients in Selected Hospitals of Shahid Beheshti University of Medical Sciences. *Clinics of Oncology*, *4*(3), 1–7.

Zimmermaan, B. J., & Cleary, T. J. (2006). Adolescents' Development of Personal Agency. The Role of Self-Efficacy Beliefs and Self-Regulatory Skill. In F. Pajares & T. Urdan (Eds.), *Self-Efficacy Beliefs of Adolescents* (pp. 45-69). Information Age Pub Inc.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).